

17/03/2005

Lawatan PM beri harapan baru hubungan KL-Canberra

Oleh JAMHARIAH JAAFAR

KALI terakhir pemimpin tertinggi negara ini mengadakan lawatan rasmi ke Australia pada 1994. Namun, hubungan politik kedua-dua negara agak tegang selepas Perdana Menteri Australia ketika itu, Paul Keating, menggelar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai 'keras kepala' kerana tidak hadir pada Sidang Puncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada 1993. Perubahan kepemimpinan dan suasana politik dunia turut memberi kesan positif kepada hubungan Malaysia-Australia. Kunjungan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ke negara itu awal bulan depan, memecahkan benteng peringkat tertinggi kedua-dua negara. Ikuti temu bual wartawan Berita Harian, JAMHARIAH JAAFAR, dengan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, James Wise.

DINDING sepanjang koridor menuju ke Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, James Wise, di Jalan Yap Kwan Seng di ibu kota, dihiasi pelbagai gambar bersejarah yang mengimbau hubungan dua hala Malaysia-Australia, yang termeterai sejak Perang Dunia Kedua lagi.

Rakaman imej mesra beberapa bekas pemimpin tertinggi Malaysia dan Australia dalam pelbagai kegiatan dan acara, membuktikan semangat setia kawan mereka tidak akan luntur, walaupun kadangkala perasaan kecil hati tidak dapat dielakkan antara kedua-duanya.

Wise melihat kunjungan rasmi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke negara itu pada awal bulan depan sebagai jambatan yang akan menghubungkan semula Malaysia dan Australia. Ini selepas 'ketegangan politik' membuatkan rakyat negara kangaru itu keberatan untuk berkunjung ke sini.

"Memang wujud perubahan dalam nada hubungan kedua-dua negara dan ini akan memberi kesan besar dalam dua sektor utama yang dirasa wujud lompang besar, terutama pada pihak Australia iaitu pelaburan dan pelancongan.

"Sama ada suka atau tidak, hubungan politik kedua-dua negara yang dianggap agak tegang membuatkan pelabur dan pelancong Australia, tidak begitu berminat ke negara ini.

"Bagaimanapun, suasana semakin ceria kini. Kami di sini, turut mencetak sebuah buku Malaysia: An Economy Transform yang mempunyai pelbagai maklumat penting mengenai Malaysia bagi menarik minat pelabur Australia," katanya yang sudah berada di sini sejak dua setengah tahun lalu dan berjaya meyakinkan kerajaannya untuk melanjutkan perkhidmatannya hingga 2007.

Hubungan dua hala kedua-dua negara menjadi agak 'dingin' sejak 1994 selepas Perdana Menteri Australia ketika itu, Paul Keating, menggelar Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai 'keras kepala'. Ini disebabkan tindakan Dr Mahathir enggan menerima jemputan Presiden Amerika Syarikat (AS) ketika itu, Bill Clinton, untuk hadir pada Sidang Puncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik pada 1993 di Seattle, AS, pada November 2003.

Sikap lantang dan disifatkan 'kurang ajar' Keating itu mencetus kemarahan rakyat Malaysia, sekali gus memberi kesan dalam perjalanan pelbagai sektor berikutan rakyat Australia kelihatan turut 'mendinginkan' hubungan dua hala kedua-dua negara. Keadaan sebaliknya berlaku bagi rakyat negara ini yang masih membanjiri Australia, terutama dalam mendapatkan pengajian tinggi dan pelaburan.

Justeru, Wise berpendapat kunjungan rasmi Abdullah pada 7 April depan akan membuka semula semua pintu di kedua-dua negara dan menyambung semula 'persahabatan' yang tergugat. Selain bertemu rakan sejawatannya, James Howard, Abdullah akan mengadakan pertemuan dengan komuniti perniagaan

Australia di Sydney dan Canberra.

Wise berkata, tiba masanya bagi ahli perniagaan dan rakyat Australia sendiri mengorak langkah ke Malaysia kerana banyak peluang dan kerjasama yang boleh diwujudkan antara kedua-dua negara.

"Sebenarnya, keadaan sudah bertambah baik. Jumlah pelaburan dan pelancong Australia ke negara ini juga amat baik dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

"Saya boleh katakan keadaan yang wujud semakin kukuh dan menarik, tetapi ia masih belum mencapai kapasiti sebenarnya," katanya.

Pesuruhjaya Tinggi itu berkata, antara industri yang berkembang adalah pendidikan dan perkhidmatan, namun banyak lagi industri terutama pertanian dan bioteknologi yang belum diterokai sepenuhnya.

"Malaysia ketika ini berminat untuk meningkatkan kemampuan dalam sektor pertanian dan bioteknologi. Jadi, kita boleh bekerjasama rapat dalam bidang seperti ini dan mengecap faedah bersama.

"Pada masa ini, kebanyakan syarikat yang berminat membabitkan industri pendidikan tinggi. Begitu banyak program berkembar dan pembukaan kampus cawangan universiti Australia diwujudkan sejak akhir-akhir ini. Ini adalah permulaan baik bagi kami," katanya.

Dalam industri pelancongan, Wise mengaku jumlah pelancong Australia ke Malaysia tidak sebaik kunjungan rakyat negara ini ke sana, namun ia mencatat peningkatan amat memberangsangkan.

Berdasarkan statistik, 204,000 pelancong Australia melawat Malaysia tahun lalu, berbanding 145,000 pada 2003. Bagaimanapun, jumlah itu masih di bawah rekod 237,000 yang dicatat pada 2000.

Rakyat Australia tidak begitu berminat untuk ke Malaysia sebelum ini kerana menganggap hubungan politik yang tidak kukuh akan memberi kesan buruk kepada mereka.

Namun Wise berpendapat, Malaysia perlu menukar pakej Malaysia Truly Asia yang dipasarkan di pentas antarabangsa berikutan imej seumpama tidak menarik perhatian rakyat Australia yang juga sebuah negara pelbagai bangsa dan agama.

"Promosi dibuat begitu generik. Apa yang boleh dilakukan untuk menarik pelancong Australia adalah mempromosi kekuatan Malaysia seperti pulau peranginan yang indah, selam skuba, golf atau sebagai pusat beli-belah," nasihatnya, tetapi pada masa yang sama mengaku ramai rakyat Australia tidak begitu tahu mengenai Malaysia.

Ditanya mengapa Australia berubah hati secara tiba-tiba untuk mempromosi Malaysia, Wise berkata dalam senario terkini, Malaysia adalah antara tiga negara Asean yang mempunyai kedudukan ekonomi amat kukuh, namun hakikat itu tidak begitu disedari oleh rakyat Australia.

"Atas sebab itu, kita menerbitkan buku khusus mengenai Malaysia. Tujuannya membuat rakyat Australia lebih menyedari mengenai peluang yang wujud di negara ini.

"Kita menggalakkan mereka ke sini, tetapi apa yang lebih penting, kita boleh mewujudkan kerjasama perniagaan dan kemudian mencari peluang pelaburan di negara lain," katanya.

Menjawab soalan mengenai nasihat perjalanan dengan meletakkan Malaysia sebagai negara berisiko, Wise berkata Kerajaan Australia sama seperti kerajaan negara lain perlu memberi amaran kepada rakyatnya mengenai kemungkinan buruk yang boleh berlaku di sesebuah negara.

"Tanggungjawab pertama kerajaan untuk memastikan keselamatan rakyatnya. Ia sama seperti Malaysia, memberi amaran terhadap mereka yang ingin ke Selatan Thailand atau Indonesia berikutan hubungan atau suasana yang agak tegang di negara terbabit. Apa yang kami lakukan hanya menasihatkan rakyat kami supaya terus berhati-hati.

"Begitu juga nasihat kami kepada mereka yang ingin melancong ke pulau

di Sabah kerana ancaman kumpulan Abu Sayyaf masih wujud. Tetapi apa penting di sini, walaupun nasihat seumpama dikeluarkan, jumlah pelancong Australia memang meningkat," tegasnya.

Dalam nada lebih serius, Wise menolak tanggapan bahawa Australia ingin menjadi 'polis' kepada negara di rantau ini, sebaliknya semua negara perlu mewujudkan kerjasama pertahanan lebih erat bagi menangani ancaman penganas.

"Biar saya jelaskan Australia tidak pernah menganggap dirinya sebagai 'Polis Asia'. Apa yang kami katakan dengan jelas adalah berikutan ancaman penganas yang serius di rantau ini, Australia ingin mengambil pelbagai langkah keselamatan secara serius dan ingin bekerjasama lebih rapat dengan negara serantau bagi menangani masalah itu.

"Semua negara jiran memang tidak ada masalah dengan perkara itu dan mereka kelihatan memberi penghargaan tinggi dalam aspek kerjasama pertahanan dengan Australia," katanya.

Wise sedar tanggapan sinis rakyat rantau ini, termasuk Malaysia mengenai sikap Australia yang menjadi sekutu Amerika dalam kempen pencerobohan di Iraq, di samping meningkatkan pelbagai kemampuan pertahanan dengan tujuan menangani ancaman penganas.

"Saya faham apa yang anda cuba ketengahkan. Tetapi apa yang boleh saya katakan mereka sebenarnya patut bertanya kepada kerajaan negara sendiri dan agensi keselamatan mereka. Kerajaan dan pertubuhan keselamatan ini amat mengalu-alukan kerjasama Australia dan kami juga mengalu-alukan bantuan yang kami peroleh daripada mereka," jelasnya.

Wise berkata, hubungan dua hala dengan Malaysia sebenarnya berputik sejak negara ini mencapai kemerdekaan. Ramai juga anggota tentera Australia terkorban ketika turut membantu pasukan keselamatan negara menentang ancaman komunis dan konfrontasi dengan Indonesia pada 1960-an.

"Dalam bidang keselamatan dan pertahanan ini, kita mempunyai hubungan amat baik. Kita boleh ibaratkan hubungan ini sebagai 'when Malaysia is a friend in need, Australia is a friend in deed'," katanya.

Diplomat tinggi lampai dan bersuara lembut itu berkata, satu-satunya masalah dihadapi Kerajaan Australia dengan rakyat Malaysia yang begitu ramai di negara kangaru adalah isu pendatang tanpa izin. Bagaimanapun, tegasnya, keadaannya tidak seperti kemelut yang dihadapi Malaysia dengan pendatang tanpa izin dari Indonesia.

"Masalah ini perlu kami tangani dengan bijak, tetapi ia tidaklah begitu serius seperti yang ada alami di sini," katanya.

(END) Source : Berita Harian